



KETUA Hakim Syarie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar ketika berucap dan merasmikan seminar.

BERAKAS, Rabu, 2 Jun. - Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar berucap, kita selaku masyarakat di alam Melayu ini sepatutnya mensyukuri nikmat besar ini iaitu apabila ditakdirkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala mendapat hidayah-Nya dan menjadi rantau yang memilih Islam sebagai anutan dan pegangan hidup.

Menurut Yang Amat Arif / Yang Berhormat, tanda kesyukuran kita selayaknya diterjemah dengan usaha pelestarian agama agung ini dengan keiltizaman pada pengamalan ajaran Islam di setiap perlakuan dan perkataan kita sesuai dengan Islam itu adalah cara hidup.

"Ia bukan agama yang bersifat

ISLAM CIPTA INTELEKTUAL UMMAH LEBIH KOMPETEN

eksklusif dan terpisah dari dunia nyata. Oleh kerana kesyumulannya yang terbukti memberi manfaat kepada manusia sejagat, maka anutan terhadap agama atau kepercayaan lain seperti animisme ciptaan manusia telah diluputkan oleh nenek moyang kita seawal Kurun Ke-12 atau 13 lagi apabila Islam mula bertapak di Kepulauan Melayu. Di mana setelah itu Islam tersebar ke Melaka, Sumatera dan berkembang pesat sehingga ke pulau Borneo dan Filipina," ujar Yang Amat Arif / Yang Berhormat semasa merasmikan Persidangan Antarabangsa Islam di Alam Melayu Kali Ke-X (ICON-IMAD X) yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Terdahulu jelasnya, melihat kepada tema persidangan iaitu 'Melestari Islam di Alam Melayu di Era Kontemporari', Yang Amat Arif / Yang Berhormat berpendapat ia adalah signifikan untuk diketengahkan kerana sangat banyak cabaran semasa yang dilihat cuba untuk menggugat kekuatan pegangan masyarakat di kepulauan Melayu ini terhadap Islam.

Yang Amat Arif / Yang Berhormat optimis bahawa pertemuan para tokoh, pakar dan penyelidik serta agensi yang bersesuaian dari negara serumpun dalam ICON-IMAD Ke-X ini akan dapat menyedarkan dan memugarkan lagi fahaman masyarakat tentang betapa suci dan luhurnya

ajaran Islam.

Menurut Yang Amat Arif / Yang Berhormat, Islam telah ternyata bukan setakat melahirkan warganegara yang baik, bahkan menciptakan intelektual ummah yang lebih kompeten.

Menelusuri sejarah jelas Yang Amat Arif / Yang Berhormat pada permulaan Abad Ke-14M, undang-undang Islam mula digunakan oleh penduduk alam Melayu seawal waktu tibanya Islam di alam Melayu.

Tambah Yang Amat Arif / Yang Berhormat, penemuan Prasasti (Batu Bersurat) Terengganu yang bertarikh 14 Rejab 702H (bersamaan dengan 22 Februari 1303M ini menjadi bukti bagi dakwaan tersebut kerana di dalamnya undang-undang berkaitan jenayah, urusan niaga dan pentadbiran ada diperuntukkan.

"Batu Bersurat Terengganu ini adalah karya perundangan pertama yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu-Islam. Hakikatnya, Batu Bersurat Terengganu adalah suatu dokumentasi sejarah yang penting dalam menggambarkan bahawa penduduk Melayu menerima Islam sebagai agama mereka dan Islam menjadi sumber intelektualiti mereka dalam menggubal undang-undang yang mengatur urusan kehidupan mereka. Penggunaan tulisan Melayu-Jawi pada Batu Bersurat Terengganu menjadi bukti kepada kenyataan tersebut," ujar Yang Amat Arif /

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

Yang Berhormat.

Dari segi perundangan Islam pula kata Yang Amat Arif / Yang Berhormat, Kesultanan Melayu Melaka yang menerima Islam sebagai agama rasmi telah mengambil undang-undang Islam kemudian ditulis menjadi sebuah dokumentasi undang-undang yang dinamakan sebagai Hukum Kanun Melaka (HKM).

Tambah Yang Amat Arif / Yang Berhormat, HKM telah dilaksanakan di kawasan-kawasan takluk kerajaan Melayu Melaka termasuk Aceh, Brunei, Johor, Riau, Pahang Kedah, dan lain-lain dengan beberapa perubahan dan penambahan mengikut keperluan dan suasana setempat.

Selain Undang-Undang Melaka jelas Yang Amat Arif / Yang Berhormat lagi, sejarah juga telah mencatatkan bahawa terdapat undang-undang dalam kerajaan selain Melaka seperti Pahang, Johor, Perak dan lain-lain negeri yang turut mengambil Islam sebagai teras pembentukan hukum kanunnya, walau pun ia terjadi pada zaman yang berbeza dan ini tidak terkecuali negara kita Negara Brunei Darussalam dalam menggunakan undang-undang Islam yang dikenali dengan Hukum Kanun Brunei (HKB).

"HKB adalah sebuah manuskrip Brunei yang merujuk kepada peraturan atau undang-undang.

BRUNEI
MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION
MYCE 2021

HKB ini telah lama wujud dan beberapa pengkaji berpendapat bahawa ia telah wujud semasa pemerintahan Sultan Sharif Ali lagi. Sementara pendapat lain mengatakan semasa Sultan Saiful Rizal dan satu pendapat lagi mengatakan telah wujud semasa Sultan Muhammad Hassan. Ini bermakna Brunei telah menjadi sebuah negara Kesultanan Melayu Islam. Ini dibuktikan dalam keterangan 'Silsilah Raja-raja Brunei', bahawa Undang-Undang Hukum Kanun yang dimaksudkan adalah peruntukan undang-undang yang tertulis dalam naskah HKB," ujar Yang Amat Arif / Yang Berhormat.

Oleh yang demikian, jelas Yang Amat Arif / Yang Berhormat lagi, boleh disimpulkan bahawa undang-undang yang dilaksanakan ketika itu ialah undang-undang Islam yang telah diselaraskan dengan adat Melayu dan kedatangan Islam jelas telah membawa perubahan positif kepada sosiobudaya dan pemikiran masyarakat tempatan di Kepulauan Melayu, maka adalah menjadi tanggungjawab kita pada hari ini untuk terus meneruskan menjaga dan melestari identiti Islam ini di alam Melayu.

Kukuhkan jaringan akademik ilmuwan

■ **ICON-IMAD** menjadi wadah bagi mewujudkan dan mengukuhkan jaringan akademik dan intelektual antara para ilmuwan dalam mengukuhkan dan melestari pegangan agama Islam di rantau ini.

■ **DALAM** persidangan ini, antara atur cara pembentangan ialah Pembentangan Perdana yang menampilkan panel dari keempat-empat universiti yang menjadi ahli dalam ICON-IMAD.

■ **DENGAN** tema **ICON IMAD** pada tahun ini iaitu 'Melestari Islam di Alam Melayu di Era Kontemporari', persidangan bertujuan untuk membincangkan dan mengongsikan isu dan cabaran yang dihadapi oleh Dunia Melayu dalam mengekalkan identiti Melayu Islam dan untuk mengetengahkan hasil kajian berkenaan Melayu Islam melalui pelbagai bidang pengajian Islam agar dapat dimanfaatkan ummah dan negara.

BERAKAS, Rabu, 2 Jun. - Sebagai negara serumpun yang banyak persamaan pada budaya, berkongsi sebahagian adat resam serta bahasa, ICON-IMAD menjadi wadah bagi mewujudkan dan mengukuhkan jaringan akademik dan intelektual antara para ilmuwan dalam mengukuhkan dan melestari pegangan agama Islam di rantau ini.

Dekan Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Lilly Suzana binti Haji Shamsu selaku Pengerusi ICON-IMAD X menjelaskan, ia jua bagi berkongsi isu dan cabaran serta pengalaman atau amalan terbaik bagi mendapatkan manfaat yang dapat diadaptasi di tempat masing-masing.

"Penganjuran ICON-IMAD Kali Ke-10 ini adalah rentetan daripada penandatanganan MoU antara Akademi Pengajian Islam, UM dan Pascasarjana UIN SGD Bandung pada tahun 2011," ujarinya semasa Persidangan Antarabangsa Islam di Alam Melayu Kali Ke-X (ICON-IMAD X) yang berlangsung di Pusat Persidangan

Antarabangsa, di sini.

Beliau menjelaskan, setelah satu dekad berlalu keahlian penganjuran ICON-IMAD ini berkembang daripada dua buah universiti antara dua buah negara iaitu Malaysia dan Indonesia kepada empat buah negara kesemuanya; iaitu ditambah dengan Thailand dan Negara Brunei Darussalam.

Menurutnya, Negara Brunei Darussalam yang diwakili oleh UNISSA telah mula menyertai ICON-IMAD buat kali pertama pada tahun 2015 iaitu ketika ia diadakan di Pattani, Thailand. Seterusnya pada tahun 2016 Brunei Darussalam buat julung kalinya menjadi penganjur kepada persidangan ini. Selain perbezaan format penganjuran, ICON-IMAD kali juga diadakan sebagai pengisian dalam Brunei Mid-Year Conference and Exhibition (MYCE) 2021.

Jelasnya lagi, MYCE merupakan acara peringkat nasional yang julung-julung kalinya diadakan di Negara Brunei Darussalam dan dikendalikan oleh Kementerian

Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk tempoh sepanjang bulan Jun 2021 dengan pengisian pelbagai aktiviti ilmiah.

Beliau seterusnya menjelaskan, ICON-IMAD X ini diadakan dalam keadaan berbeza daripada penganjuran sebelumnya. Memandangkan isu pandemik yang melanda global masih pada tahap yang kritikal justeru penganjuran kali ini dibuat secara hibrid; di mana pembentangan akan digabungkan antara pembentangan fizikal dan juga secara imej maya (*virtual*).

Dalam persidangan ini katanya, antara atur cara pembentangan ialah Pembentangan Perdana yang menampilkan panel dari keempat-empat universiti yang menjadi ahli dalam ICON-IMAD.

Tambahnya, persidangan menyaksikan sebanyak 91 pembentangan di mana 76 daripadanya adalah pembentangan melalui rakaman video; tiga pembentangan dibuat langsung secara maya; dan lapan pembentangan adalah secara fizikal.

Hadir selaku tetamu kehormat pada persidangan tersebut dan seterusnya merasmikan ICON-IMAD X ialah Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Awang Besar.

Persidangan hari ini diisikan dengan ucapan yang disampaikan oleh Profesor Fakulti Usuluddin, UNISSA, Profesor Dato' Dr. Mohd Fakhruddin bin Abdul Mukti.

Sementara itu, para Pembentang Perdana terdiri daripada Pemangku Pengarah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaysia, Profesor



KETUA Hakim Syarie ketika hadir selaku tetamu kehormat pada Seminar Antarabangsa Islam di Alam Melayu Kali Ke-X (ICON-IMAD X) yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Madya Dr. Fauzi Hamat; Direktur Pascasarjana UIN SGD Bandung, Indonesia, Profesor Supiana; Ketua Program Siswazah, Fakulti Sains Islam, Prince Songkla University, Thailand, Profesor Madya Dr. Ibrahim Narongraksaket dan Pensyarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UNISSA, Negara Brunei Darussalam, Dr. Mariam binti Abd. Rahman.

Persidangan antarabangsa yang dianjurkan kerjasama UNISSA dengan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia, Pasca Sarjana UIN Sunan Gunung Djati, Bandung, Indonesia dan Kolej Pengajian Islam (CIS) Prince of Songkla University (PSU) diadakan selama dua hari bermula hari ini hingga esok.

Pada tahun ini, penganjuran ICON-IMAD diadakan sebagai pengisian dalam Brunei MYCE 2021.

Dengan tema ICON-IMAD pada tahun ini iaitu 'Melestari Islam di Alam Melayu di Era Kontemporari', persidangan bertujuan untuk membincangkan dan mengongsi-

kan isu dan cabaran yang dihadapi oleh dunia Melayu dalam mengekalkan identiti Melayu Islam dan untuk mengetengahkan hasil kajian berkenaan Melayu Islam melalui pelbagai bidang pengajian Islam agar dapat dimanfaatkan ummah dan negara.

Persidangan juga bertujuan untuk mewujudkan dan mengukuhkan jaringan akademik dan intelektual antara para ilmuwan dalam bidang pengajian Islam serata dunia bagi menghasilkan penyelidikan berimpak tinggi di samping mengenal pasti peluang terkini untuk kajian berimpak tinggi yang boleh dilaksanakan secara berkolaborasi dalam usaha memperkasa dunia penyelidikan serantau.

ICON-IMAD X tahun ini diadakan dalam keadaan berbeza daripada penganjuran sebelumnya di mana penganjuran kali ini dibuat secara hibrid; di mana pembentangan akan digabungkan antara pembentangan fizikal dan juga secara imej maya (*virtual*).